

**Najib Bangga Pamer Imej Negara Kontemporari Maju Kepada Obama  
Bernama  
May 12, 2014**

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Malaysia seharusnya berbangga kerana dapat mempamerkan imej negara kontemporari maju kepada Presiden Amerika Syarikat (AS) Barrack Obama semasa lawatannya ke negara ini pada hujung bulan lepas.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kunjungan Obama adalah amat berbeza daripada lawatan Presiden Lyndon B. Johnson ke negara ini pada 48 tahun lepas, yang 'disajikan' dengan pemandangan ladang getah.

"(Semasa itu) bersesuaianlah dengan kedudukan negara pada masa itu yang baru sedekad mencapai kemerdekaan. Bersempena dengan lawatan itu, kita telah menamakan satu daripada penempatan Felda dengan nama Felda L.B Johnson di Negeri Sembilan.

"Oleh sebab itu, kita mampu berbangga kerana dapat mempamerkan kepada Presiden Obama sebuah kontemporari Malaysia yang telah maju dan bertransformasi dengan bangunan-bangunan pencakar langitnya," katanya semasa melancarkan Laporan Tahunan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) di Wisma Angkasapuri di sini, malam ini.

Presiden Johnson ialah presiden AS ke-36 dan yang pertama melawat Malaysia pada 30 Okt 1966.

Najib yang juga Menteri Kewangan turut merujuk kepada tapak rekreasi di hab inovasi terkini negara, Malaysian Global Innovation and Creativity Centre atau MAGIC di Cyberjaya dekat sini yang dinamakan Obama Oval 2 atau 'O2' bersempena dengan lawatan bersejarah Obama, presiden AS ke-44.

Setelah enam dekad kemerdekaan, katanya Malaysia telah jauh meninggalkan status negara pertanian untuk menjadi negara perindustrian moden, sebelum berkembang sebagai negara berpendapatan tinggi dan kini menuju ke arah negara maju berpendapatan tinggi.

"Kerana itulah, sebagai kesinambungan kepada ceritera kejayaan Malaysia selama puluhan tahun, kerajaan ini meneruskan program transformasi ekonomi menerusi ETP," katanya.

Presiden Obama mengadakan lawatan tiga hari ke Malaysia bermula 26 April lepas dan mempunyai jadual kerja yang padat semasa berada di negara ini selepas diberikan sambutan rasmi di Dataran Parlimen di sini.

Beliau juga meluangkan masa melawat Masjid Negara dan Makam Pahlawan di sini selain diraikan dalam jamuan negara oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di Istana Negara.

Pemimpin besar kuasa dunia itu juga mengadakan mesyuarat dua hala bersama Najib di Putrajaya dekat sini, selain turut menghadiri sesi perjumpaan tidak formal dengan pemimpin belia muda dari Asia Tenggara di Universiti Malaya.

Atur cara hari terakhir lawatan Obama ialah menyaksikan pemeteraian beberapa perjanjian komersial antara syarikat Malaysia dan Amerika bernilai US\$2 bilion (RM6.53 bilion) dalam sektor penerbangan, bioteknologi dan insurans.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037829>